



**BOOST**  
Juice bars

Menangi slot  
**PERCUMA** di Liga  
Superimau  
**Peringkat Akhir**  
Kebangsaan



Pek Maklumat 2022  
Musim C  
**Liga Superimau**

ORGANIZED BY:





**Selamat datang ke Liga Suparimau  
ditaja oleh Boost Juice**

# Kandungan

1. Selamat Datang ke Liga Suparimau	4
2. Wilayah Liga Suparimau <b>Terbaharu</b>	5
3. Proses Pendaftaran	6
4. Pendaftaran Pasukan	7
5. Yuran Perlawanan <b>Terbaharu</b>	8
6. Pendaftaran Pemain	9
7. Kategori Umur dan Bahagian	10
8. Format Permainan	11
9. Pesta Akar Umbi Liga Suparimau <b>Terbaharu</b>	12
10. Komunikasi	14
11. Garis Panduan Umum	15
12. Tatatertib	16
13. Jadual Liga <b>Terbaharu</b>	17
14. Hubungi Kami	18

# Selamat Datang

Will Kucia  
Pengarah Liga



Saya sangat berbesar hati untuk menyambut semua pasukan ke Musim C Liga Suparimau 2022 yang dibawa oleh Boost Juice!

Liga Suparimau adalah liga bolasepak yang dikelolakan di bawah Persatuan Bola Sepak Malaysia. Ini adalah pertandingan inklusif yang dimana ianya menyediakan liga dengan halatuju pembangunan kepada semua peringkat umur kanak-kanak atau remaja di Malaysia yang berumur 6 hingga 17 tahun.

Selepas dua musim pertama yang berjaya pada tahun 2022, kami teruja untuk terus mengembangkan Liga Suparimau di seluruh Malaysia. Musim C akan menyaksikan pelancaran yang dirancang di Kedah dan Melaka sebagai tambahan kepada liga kami di Pulau Pinang, Perak, Pahang, Lembah Klang, Negeri Sembilan, Johor dan Sabah.

Seperti yang kami umumkan awal tahun ini, semua pasukan yang berdaftar untuk Musim B akan diberikan kemasukan automatik ke musim C serta peluang untuk menyertai Perlawanan Akhir Kebangsaan Liga Suparimau dan Festival Akar Umbi yang akan diadakan dari 10-12 Disember tahun ini.


Saya ingin mengucapkan yang terbaik kepada pasukan untuk musim hadapan dan musim yang akan datang. Sila hubungi saya jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.

Ribuan terima kasih,

**Will Kucia**  
[will@ligasuparimau.my](mailto:will@ligasuparimau.my)

# Wilayah 2022

Untuk tahun 2022, 11 Liga Suparimau akan dijalankan di 10 negeri dalam Malaysia



# Proses Pendaftaran

Proses pra  
musim

1

Daftar pasukan anda di  
[www.ligasuperimau.my/register](http://www.ligasuperimau.my/register)

2

Bayar pendaftaran pasukan anda  
melalui kad kredit/debit atau perbankan  
atas talian melalui FPX

3

Daftar pemain anda di Portal  
Jurulatih Liga Superimau

4

Bayar yuran hari  
perlawanan anda

5

Nikmati pengalaman pertandingan  
yang dijalankan

Proses  
semasa  
perlawanan  
mingguan

# Pendaftaran Pasukan

Pendaftaran Liga Suparimau Musim 2022 yang dibawakan oleh Boost Juice kini dibuka di laman sesawang Liga Suparimau. Semua pendaftaran perlu dibuat melalui laman sesawang.

Dalam proses melengkapkan borang pendaftaran dalam talian, anda diminta untuk memilih wilayah atau daerah Liga Suparimau dan kategori umur untuk penyertaan. Pilih wilayah atau daerah yang paling hampir dengan lokasi pasukan anda dan masukkan semua kumpulan umur yang ingin anda sertai dalam satu borang pendaftaran.

Setelah melengkapkan borang, yuran pendaftaran akademi anda akan dikira dan anda mempunyai pilihan untuk membayar dalam talian melalui kad kredit / debit atau memilih menerima invoice rasmi Liga Suparimau melalui emel. Sekiranya anda memilih untuk menerima invoice melalui email, berikut adalah pilihan yang disediakan bagi membuat pembayaran yuran pendaftaran:

- Kad kredit/debit
- Perbankan dalam talian melalui FPX

## Yuran pendaftaran

Yuran pendaftaran perlu dibayar pada awal setiap musim dan tidak termasuk yuran hari perlawanan.

Bawah 6	Bawah 8	Bawah 10	Bawah 12	Bawah 14	Bawah 16	Perempuan
RM200	RM400	RM400	RM400	RM400	RM400	RM400
Setiap pasukan						

### Contoh yuran:

'Youth Soccer Academy' mendaftar 1 pasukan Bawah 8 tahun, 1 pasukan Bawah 10 tahun dan 2 pasukan Bawah 12 tahun. Bayaran pendaftaran mereka adalah RM1,600 (4 pasukan x RM400)

## Promosi Musim B dan C

Pasukan-pasukan yang telah menyertai Musim B akan menerima penyertaan percuma untuk ke Musim C. Untuk mengesahkan penyertaan Musim C, pasukan hanya perlu membayar yuran hari perlawanan terlebih dahulu untuk setiap kumpulan umur bagi setiap satu pasukan. Yuran ini akan ditolak pada hari perlawanan terakhir bagi musim berkenaan.

# Yuran Perlawanan

Bayaran hari perlawanan berikut akan dikenakan untuk setiap pasukan setiap minggu perlawanan. Yuran perlu dibayar sebelum pasukan turun ke padang untuk bermain.

Terbaharu

Terbaharu

	Klang Valley	Penang	Johor	Kedah/Pahang/ Perak/N. Sembilan	Melaka	Sabah
<b>Bawah 6</b>	RM70	RM55	RM60	RM60	RM40	RM50
<b>Bawah 8</b>	RM120	RM100	RM100	RM80	RM60	RM80
<b>Bawah 10</b>	RM150	RM130	RM130	RM100	RM80	RM100
<b>Bawah 12</b>	RM170	RM150	RM150	RM120	RM100	RM120
<b>Bawah 14</b>	RM240	RM220	RM220	RM180	RM160	RM180
<b>Bawah 16</b>	RM240	RM220	RM220	RM180	RM160	RM180
Bawah 10 Perempuan	RM120	-	-	-	-	-
Bawah 12 Perempuan	RM120	-	-	-	-	-
Bawah 14 Perempuan	RM150	-	-	-	-	-
Bawah 16 Perempuan	RM170	-	-	-	-	-

# Pendaftaran Pemain

## Portal Jurulatih

Setelah berjaya mendaftar ke Liga Superimau, jurulatih pasukan anda akan mendapat akses ke Portal Jurulatih Liga Superimau. Di sini, jurulatih dan pengurus pasukan akan dapat mengemaskini maklumat mengenai pasukan mereka dan memulakan proses pendaftaran pemain.

Mana-mana pasukan yang menyertai Liga Superimau 2022 Musim A akan dapat melihat pendaftaran pemain mereka dari Musim A. Perubahan atau penambahan pada senarai pemain anda boleh dibuat melalui aplikasi Liga Superimau Admin

Pasukan yang menyertai Liga Superimau buat kali pertama akan menerima butiran log masuk ke aplikasi Liga Superimau Admin melalui e-mel dan perlu mendaftar pemain secara terus melalui aplikasi.

## Kelayakan Pemain

### Bawah 6, Bawah 8, Bawah 10, Bawah 12

Semua pemain berusia 12 tahun ke bawah layak untuk mendaftar dalam satu pasukan dan bermain di Liga Superimau. Ini termasuk pemain di bawah program AT. Semua pemain mesti didaftarkan di dalam Portal Jurulatih dan pemain hanya boleh didaftarkan untuk satu pasukan sahaja sepanjang musim.

### Bawah 14 dan Bawah 16 Tahun

Bagi kumpulan umur Bawah 14 dan Bawah 16 tahun, pasukan tidak dibenarkan mendaftar mana-mana pemain yang aktif bermain dengan program SSN, SSM atau AMD. Mana-mana pasukan didapati mendaftar pemain yang tidak mengikuti syarat akan dihukum dan nama pemain yang didaftarkan akan dibuang dari senarai Liga Superimau. Pemain yang berdaftar dengan PLD dibenarkan untuk menyertai Liga Superimau.

### Kumpulan Umur Perempuan

Semua peserta perempuan dibenarkan untuk didaftar dan menyertai Liga Superimau kategori perempuan.

## Tarikh Akhir Pendaftaran dan Pemindahan Pemain

Semua pemain mesti didaftarkan melalui Portal Jurulatih Liga Superimau sebelum musim bermula. Sekiranya pemain tidak didaftarkan sebelum tarikh akhir, atau jika pemain baru menyertai pasukan anda, mereka tidak akan dibenarkan bermain sehingga butiran mereka diserahkan kepada pihak pengurusan Liga Superimau dan juga sehingga pendaftaran mereka telah diproses dan diluluskan dalam masa 10 hari.

### Pemindahan Pemain

Sekiranya pemain telah bermain untuk pasukan lain untuk musim ini, mereka tidak akan dibenarkan bermain untuk kelab anda. **Pemindahan pemain tidak akan dibenarkan semasa musim sedang berjalan.**

Seorang pemain boleh berpindah ke pasukan lain apabila mendaftar untuk musim baru.



# Kategori Umur

Liga Suparimau akan dijalankan untuk kumpulan umur dari Bawah 6 sehingga Bawah 16 tahun, dengan 'cut-offs' tarikh lahir yang berikut:

Kumpulan Umur	Cut-off
Bawah 6	Dilahirkan pada 1 Januari 2016 dan seterusnya
Bawah 8	Dilahirkan pada 1 Januari 2014 dan seterusnya
Bawah 10 (lelaki dan perempuan)	Dilahirkan pada 1 Januari 2012 dan seterusnya
Bawah 12 (lelaki dan perempuan)	Dilahirkan pada 1 Januari 2010 dan seterusnya
Bawah 14 (lelaki dan perempuan)	Dilahirkan pada 1 Januari 2008 dan seterusnya
Bawah 16 (lelaki)	Dilahirkan pada 1 Januari 2006 dan seterusnya
Bawah 17 (perempuan)	Dilahirkan pada 1 Januari 2005 dan seterusnya

**Catatan:** Kanak-kanak perempuan boleh bermain dalam pertandingan lelaki dengan kelebihan 1 kategori umur. Sebagai contoh, seorang pemain perempuan yang dilahirkan pada 1 Januari 2012 boleh bermain dalam kategori umur Lelaki Bawah 8 tahun.

Pasukan boleh mendaftarkan maksimum 3 orang kanak-kanak perempuan yang berumur lebih ke dalam skuad lelaki.

## Kumpulan

Untuk memastikan perlawanan kekal seimbang, jika mana-mana negeri mempunyai lebih daripada 12 pasukan yang didaftarkan untuk sesuatu umur kumpulan, pasukan akan dibahagikan kepada 2-3 bahagian berdasarkan keupayaan pasukan dan pemain. Kumpulan akan diputuskan berdasarkan pada kriteria berikut:

- **Keputusan Liga Suparimau Musim A dan B**  
Jika pasukan baru menyertai liga, mereka akan diminta untuk berkongsi keputusan terkini kejohanan/persahabatan mereka
- **Bilangan pemain AT/PLD yang didaftarkan dalam skuad mereka**

Pembahagian bertujuan untuk memadankan pasukan yang mempunyai keupayaan yang sama untuk membantu pembangunan pemain dan mewujudkan persaingan yang baik.

# Format Permainan

## Kategori Umur Lelaki

	B6	B8	B10	B12	B14	B16
Format permainan	4 vs 4	5 vs 5	7 vs 7	9 vs 9	11 vs 11	11 vs 11
Maksimum pemain per skuad	8	13	18	20	25	25
Tempoh permainan	4 x 8 minit	4 x 10 minit	3 x 15 minit	2 x 25 minit	2 x 25 minit	2 x 30 minit
Saiz bola	3	4	4	4	5	5
Offside	Tidak digunakan	Tidak digunakan	Tidak digunakan	Digunakan	Digunakan	Digunakan
Balingan masuk	Sepakan/ Menggelecek	Sepakan	Balingan	Balingan	Balingan	Balingan
Perlindungan sepakan gol	Pihak lawan berundur ke garisan tengah padang	Pihak lawan berundur ke 8m zon yang ditetapkan	Pihak lawan berundur ke 8m zon yang ditetapkan	-	-	-

Senarai penuh peraturan dan format boleh dilihat di [www.ligasuparimau.my/formats](http://www.ligasuparimau.my/formats)

## Kategori Umur Wanita

	B10 Perempuan	B12 Perempuan	B14 Perempuan	B17 Perempuan
Format permainan	5 vs 5	5 vs 5	7 vs 7	9 vs 9
Maksimum pemain per skuad	13	13	18	20
Tempoh permainan	4 x 10 minit	4 x 10 minit	2 x 20 minit	2 x 25 minit
Saiz bola	4	4	5	5
Offside	Tidak digunakan	Tidak digunakan	Tidak digunakan	Digunakan
Balingan masuk	Sepakan	Sepakan	Balingan	Balingan
Perlindungan sepakan gol	Pihak lawan berundur ke 8m zon yang ditetapkan	-	-	-

Senarai penuh peraturan dan format boleh dilihat di [www.ligasuparimau.my/formats](http://www.ligasuparimau.my/formats)



# Pesta Bola Sepak Liga Superimau

## Menyatukan pasukan Liga Superimau

Musim 2022 akan berakhir dengan Pesta Bola Sepak Akar Umbi Liga Superimau dan Liga Superimau Kebangsaan (lihat halaman sebelah).

Pesta Bola Sepak Akar Umbi Liga Superimau akan berlangsung pada 10 dan 11 Disember dan terbuka kepada mana-mana pasukan Liga Superimau 2022 dari semua kumpulan umur.

Kejohanan akan menggunakan format Liga Superimau dan ia akan memberikan pasukan yang sertai peluang untuk bermain bersama akademi dari Liga Superimau negeri di seluruh negara.

Butiran lanjut mengenai kejohanan itu boleh didapati di [www.ligasuperimau.my/finals](http://www.ligasuperimau.my/finals)

## Pesta Bola Sepak Akar Umbi

**Tarikh:** 10 & 11 Disember 2022

**Tempat:** TBC

**Kumpulan Umar:** Semua kategori

**Format:** Format perlawanan Liga Superimau

**Harga:** RM600 satu pasukan

**Tarikh Akhir Pendaftaran:** 20 November 2022

**Kelayakan:** Terbuka kepada semua peserta Liga Superimau 2022

### Hadiah dan anugerah:

- Goodies bag peserta untuk semua pemain
- Sijil untuk semua pemain
- Lencana pemain Pesta Bola Sepak Akar Umbi eksklusif dalam profil pemain di aplikasi Liga Superimau



# Pusingan Akhir Kebangsaan

## Menobatkan Juara Liga Suparimau Pusingan Akhir Kebangsaan

Berlangsung dari 10–12 Disember 2022, Pusingan Akhir Liga Suparimau Kebangsaan bertujuan untuk menghimpunkan juara dari setiap negeri Liga Suparimau pada 2022. Kemasukan ke kejohanan ini adalah percuma untuk semua pasukan yang layak.

Pusingan Akhir Kebangsaan akan berlangsung selama 3 hari untuk kumpulan umur Bawah 12, Bawah 14 dan Bawah 16 tahun. Pemenang dalam setiap peringkat umur akan dinobatkan sebagai Juara Kebangsaan Liga Suparimau – gelaran yang akan mengikuti pasukan sepanjang musim 2023 sehingga ke Pusingan Akhir Kebangsaan seterusnya.

Untuk melayakkan diri ke Pusingan Akhir Liga Suparimau Kebangsaan, pasukan mesti memenuhi 2 kriteria:

- Juara Liga Suparimau U12/U14/U16 Bahagian Satu bagi salah satu musim pada 2022
- Menyertai sekurang-kurangnya 2 musim Liga Suparimau pada tahun 2022

## Gambaran keseluruhan Pusingan Akhir Kebangsaan

**Tarikh:** 10–12 Disember 2022

**Tempat:** TBC

**Kumpulan Umur:** B12, B14, B16

**Format:** Format perlawanan Liga Suparimau

**Kelayakan:** Terbuka kepada juara Liga Suparimau Musim 2022\*

### Hadiah dan anugerah:

- Juara: Piala dan pingat Liga Suparimau Kebangsaan 2022
- Juara: Lencana jersi eksklusif untuk musim 2023
- Naib Johan dan tempat ke-3: Pingat Pusingan Akhir Liga Suparimau Kebangsaan
- Semua peserta: Lencana pemain eksklusif dalam aplikasi Liga Suparimau

\*Untuk layak menyertai kejohanan secara percuma, pasukan mesti telah menyertai sekurang-kurangnya dua (2) musim Liga Suparimau pada tahun 2022

**Nota:** Butiran kejohanan adalah tertakluk kepada perubahan. Semak [www.ligasuparimau.my/finals](http://www.ligasuparimau.my/finals) untuk maklumat terkini

# Komunikasi

Segala urusan rasmi Liga Suparimau yang terkini akan dimaklumkan melalui emel dan Portal Jurulatih. Jika anda mempunyai soalan lanjutan, anda boleh hubungi pengurus daerah atau wilayah di kawasan anda, atau hubungi pihak pengurusan Liga Suparimau melalui maklumat yang tertera di bawah.




**Emel**  
info@ligasuparimau.my



**Laman Sesawang**  
www.ligasuparimau.my



**Media Sosial**  
@ligasuparimau



# Garis Panduan Umum

Liga Suparimau, yang dibawakan oleh Boost Juice akan mematuhi segala peraturan, format dan garis panduan umum yang dinyatakan dalam pek maklumat ini, kecuali dinyatakan di tempat lain:

- Format pertandingan, kategori umur dan kelayakan umur pemain adalah seperti yang dijelaskan di halaman 2, 3, 8 dan 9 Pek Maklumat Liga Suparimau
- Setiap kategori umur akan mempunyai maksimum 12 pasukan setiap liga. Sekiranya lebih daripada 12 pasukan didaftarkan untuk kategori umur, pertandingan akan dibahagikan kepada 2 atau lebih kumpulan.
- Pasukan akan menerima 3 mata untuk kemenangan, 1 mata untuk seri dan 0 mata untuk kekalahan
- Undian untuk liga akan berlangsung sebelum musim bermula dan semua perlawanan akan dimuat naik di laman sesawang dan aplikasi mudah alih Liga Suparimau
- Juara liga adalah pasukan dengan mata terbanyak pada akhir musim. Sekiranya keputusan seri pada hari terakhir akhir liga, perbezaan gol akan dinilai untuk menentukan pemenang. Sekiranya kedudukan pasukan masih sama, perkara berikut akan digunakan untuk menentukan juara liga, mengikut urutan:
  - Jumlah jaringan gol terbanyak
  - Jumlah gol bolos berkurang
  - Keputusan perlawanan antara pasukan ketika mereka bermain antara satu sama lain
  - Jika keputusan masih lagi seri, perlawanan dengan format gol emas akan dijalankan. Pasukan yang menjaringkan gol pertama akan dinobatkan sebagai juara
- Pasukan tidak boleh lewat 10 minit dari sepak mula perlawanan. Sekiranya pasukan hadir lewat lebih daripada 10 minit, mereka berisiko mendapat 'walkover' kepada lawan mereka.
- Sekiranya keadaan padang tidak sesuai untuk bermain kerana hujan lebat, kilat atau atas sebab lain, Jawatankuasa Liga berhak untuk memutuskan keputusan atau mengubah format perlawanan tersebut.
- Sekiranya terdapat bantahan atau perselisihan, Jawatankuasa Liga mempunyai bidang kuasa tunggal untuk menyelesaikan perkara tersebut.
- Jawatankuasa Liga berhak untuk menukar dan mengemaskini peraturan atau format liga pada bila-bila masa dan mengikut budi bicara penganjur. Senarai peraturan terkini boleh didapati di [www.ligasuparimau.my/rules](http://www.ligasuparimau.my/rules)
- Setiap pasukan disarankan untuk mendapatkan perlindungan insurans sendiri sebelum bermain. Maxim Events Sdn Bhd atau Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) tidak bertanggungjawab atas sebarang kemalangan, kecederaan atau kematian yang mungkin berlaku sepanjang liga dijalankan, dan semua pasukan yang bertanding perlu menanggung risiko mereka sendiri.

# Tatatertib

Liga Suparimau, yang dibawakan oleh Boost Juice di jalankan dengan tujuan untuk menyediakan perlawanan liga bola sepak akar umbi di dalam persekitaran yang positif untuk semua pemain, ibu bapa dan jurulatih. Oleh itu, kami berharap agar semua pihak dapat mengikuti tatatertib yang disenaraikan di bawah. Kegagalan mana-mana pihak untuk mematuhi tatatertib yang dinyatakan dalam pek maklumat ini boleh menyebabkan pasukan tersingkir dari liga.

- Kedua-dua pasukan digalakkan untuk berada dalam keadaan yang baik, dan positif
- Tiada toleransi terhadap mana-mana pihak yang menggunakan bahasa yang kasar atau tidak sopan
- Tidak ada toleransi terhadap mana-mana pihak yang mengkritik atau mengganggu pegawai, jurulatih, lawan, atau peminat
- Penggunaan atau pengambilan alkohol, dadah atau tembakau semasa permainan di dalam kawasan padang adalah dilarang
- Semua pihak bertanggungjawab untuk memastikan semua ahli keluarga dan rakan yang menghadiri permainan untuk saling mengawasi satu sama lain
- Ibu bapa tidak boleh memalsukan identiti anak mereka seperti umur untuk membenarkan mereka bermain di kategori umur yang lain
- Ibu bapa tidak boleh terlibat dalam usaha mencari dan mencuri pemain dari pasukan lain
- Ibu bapa tidak boleh memberi tekanan atau gangguan kepada pihak pelatih mengenai masa bermain untuk anak mereka
- Ibu bapa, pemain, dan jurulatih akan menghormati semua jurulatih, pengadil dan pemain lawan sama sekali, dan perlu mempunyai semangat kesukanan sebagai keutamaan mereka dalam semua permainan dan latihan
- Jurulatih tidak boleh melanggar atau berniat untuk melanggar peraturan liga
- Jurulatih tidak boleh mencuba untuk merekrut atau mempengaruhi mana-mana pemain atau ibu bapa untuk meninggalkan pasukan semasa dan sertai pasukan lain
- Jurulatih tidak boleh melakukan sebarang usaha untuk merekrut pemain dari pasukan lain
- Jurulatih tidak boleh membenarkan pemain yang cedera bermain atau memasuki semula permainan tanpa persetujuan ibu bapa mereka atau pasukan perubatan yang bertugas

# Liga Suparimau Jadual Musim 2022

| Tarikh Perlawanan: Januari–November 2022

Musim A: Jan–Mac		Musim B: Mei–Julai		Musim C: Sept–Nov	
Minggu	Tarikh	Minggu	Tarikh	Minggu	Tarikh
1	15 & 16 Januari	1	21 & 22 Mei	1	17 & 18 September
2	22 & 23 Januari	2	28 & 29 Mei	2	24 & 25 September
3	29 & 30 Januari	3	4 & 5 Jun	3	1 & 2 Oktober
4	5 & 6 Februari	4	11 & 12 Jun	4	8 & 9 Oktober
5	12 & 13 Februari	5	18 & 19 Jun	5	15 & 16 Oktober
6	19 & 20 Februari	6	25 & 26 Jun	6	22 & 23 Oktober
7	26 & 27 Februari	7	2 & 3 Julai	7	29 & 30 Oktober
8	5 & 6 Mac		9 & 10 Julai	8	5 & 6 November
9	12 & 13 Mac	8	16 & 17 Julai	9	12 & 13 November
10	19 & 20 Mac	9	23 & 24 Julai	10	19 & 20 November
11	26 & 27 Mac	10	30 & 31 Julai	11	26 & 27 November

**Pusingan Akhir Kebangsaan:**  
1–4 Disember  
**Pesta Akar Umbi:** 3–4 Disember

| Musim mengikut Wilayah

	Lembah Klang	Penang	Perak	Johor	N9	Kedah	Pahang	Melaka	Sabah
Musim A	✓	✓	✗	✓	✓	✗	✗	✗	✗
Musim B	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Musim C	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	

**Ada sebarang pertanyaan?**  
Hubungi pihak pengurusan Liga Superimau

**EN:**

**Will Kucia**  
012-770 5909  
will@ligasuperimau.my

**BM:**

**Uzair Azim**  
017-218 1978  
uzair@ligasuperimau.my

**Ada sebarang pertanyaan berkenaan Piagam Superimau?**  
Hubungi pihak pengurusan Liga Superimau

**Cameron Ng**  
016-915 3100  
grassroots@fam.org.my

ORGANIZED BY:



[www.ligasuperimau.my](http://www.ligasuperimau.my)